

10/01/2002

MAS tumpu khidmat penerbangan saja

Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA, Rabu - Penstrukturan semula Penerbangan Malaysia (MAS) yang sedang dilaksanakan sekarang akan menyaksikan syarikat berkenaan hanya memberi tumpuan kepada perkhidmatan penerbangan saja.

Perniagaan sedia adanya dalam bidang lain akan dilupuskan kepada agensi kerajaan atau swasta.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata cadangan itu sedang dikaji sekumpulan pakar perunding bagi mengenal pasti dan merumuskan cara mengatasi kelemahan sedia ada.

"Kegiatan perniagaan sampingan MAS seperti Golden Boutique dan MAS Catering Sdn Bhd akan dijual bagi membayar hutang syarikat dan kemudiannya MAS akan memajak semula perkhidmatan berkenaan daripada pemilik baru.

"Seboleh-bolehnya, kita mahu memastikan tiada kakitangan diberhentikan atau diberi tawaran berhenti kerja sukarela (VSS). Namun semua ini bergantung kepada penstrukturan semula yang akan dilakukan.

"Kita sudah mengenal pasti beberapa agensi kerajaan dan swasta yang layak mengambil alih perniagaan berkenaan," katanya selepas menyampaikan bantuan RM300,000 kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Ladang Kelpin, Bahau, Negeri Sembilan, di pejabatnya hari ini.

Kata Dr Ling, beliau berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang meluluskan peruntukan itu bagi membina semula sekolah berkenaan.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beberapa syarikat asing termasuk dari Eropah menunjukkan minat membeli saham MAS.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, bagaimanapun berkata, kerajaan belum membuat keputusan mengenainya, memandangkan MAS kini dalam proses penyusunan semula.

MAS yang mempunyai kira-kira 22,000 kakitangan mengalami kerugian sejak krisis kewangan serantau 1997 dan kerajaan membeli 29 peratus pegangan dalam MAS daripada Naluri Bhd bagi mencari satu penyelesaian segera kepada masalah semasa syarikat penerbangan negara itu.

Pada 8 Januari lalu, MAS mengumumkan pakej mendapatkan dana RM6.1 bilion menerusi program penjualan dan pajakan semula beberapa asetnya, termasuk pesawat dan bangunan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur.

Kata Dr Ling, isu pemberhentian kerja tidak akan menjadi masalah kerana pemilik baru sudah tentu memerlukan kakitangan berpengalaman, sekali gus memberi peluang kerja baru kepada pekerja sedia ada.

Ditanya sama ada kerajaan sudah memutuskan agensi yang mungkin mengambil alih aset Mas itu, beliau berkata: "Kita sudah kenal pasti, mungkin Khazanah (Khazanah Nasional Bhd) atau mungkin agensi lain."

(END)